

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN
TUN DR. MAHATHIR**
[JERLUN]

SOALAN NO. 110

Y.B. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah formula bagi Kerajaan Persekutuan menentukan peratusan pemberian penambahan hasil kepada Kerajaan Negeri ; dan
- (b) adakah akan dipertimbangkan peningkatan peratusan bagi negeri-negeri berpendapatan rendah seperti yang dicadangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 September 2019 .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, berdasarkan Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 (Pindaan 1990), Kerajaan-Kerajaan Negeri layak dipertimbangkan Pemberian sekiranya terdapat pertambahan hasil Persekutuan dalam satu tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya.

Majlis Kewangan Negara (MKewN) pada tahun 1983 telah menetapkan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk tujuan Pemberian Pertambahan Hasil Kepada Kerajaan Negeri. Pada 20 Oktober 2006, MKewN telah bersetuju menaikkan jumlah Pemberian Hasil daripada RM150 juta kepada RM250 juta setahun berkuat kuasa mulai tahun 2007. Rang Undang-Undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007 telah diluluskan di Parlimen pada 19 Disember 2007. Peruntukan sebanyak RM250 juta telah disediakan bagi maksud pemberian tersebut.

Pemberian Pertambahan Hasil Kepada Kerajaan Negeri dikira berdasarkan formula berikut:

- a. Bahagian 1 (RM150 juta)
 - i. RM25 juta pertama dibahagi sama rata kepada semua negeri;
 - ii. RM25 juta kedua diberi berdasarkan kepada bilangan penduduk di setiap negeri dengan kadar bahagian (*share*) yang telah ditetapkan; dan
 - iii. Baki RM100 juta berikutnya diagihkan mengikut peratus KDNK setiap negeri.
- b. Bahagian 2 (RM100 juta)
 - i. RM100 juta diagihkan mengikut KDNK per kapita negeri yang lebih kecil berbanding KDNK per kapita Nasional.

NO SOALAN : 110

Data penduduk dan KDNK/KDNK per kapita (Nasional dan Negeri) diperoleh daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi melalui data yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2021-2030 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 14 September 2019 sebagai hala tuju baharu negara, Kerajaan akan memberi keutamaan khususnya kepada masyarakat luar bandar dan negeri-negeri yang berpendapatan rendah.